

KEBERKESANAN PENGUJIAN ATAS TALIAN BAGI KURSUS BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA KETIGA DARI PERSPEKTIF PENSYARAH DAN PELAJAR

EFFECTIVENESS OF ONLINE TESTING FOR ARABIC AS A THIRD LANGUAGE COURSE FROM LECTURERS' AND STUDENTS' PERSPECTIVES

Abidah Aqilah Mohd Noor^{1*}
Nur Shuhadak Ismail²
Muhammad Anas Abdul Razak³

¹Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan, Malaysia.
(E-mail: abidahaqilah@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan, Malaysia.
(Email: shuhadak@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, Malaysia.
(E-mail: anasrazak@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 22-7-2024
Revised date : 23-7-2024
Accepted date : 15-8-2024
Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Noor, A. A. M., Ismail, N. S., & Razak, M. A. A. (2024). Keberkesanan pengujian atas talian bagi kursus bahasa arab sebagai bahasa ketiga dari perspektif pensyarah dan pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 94 – 111.

Abstrak: Sistem pengujian dalam talian merupakan satu paradigma baru dalam sistem pendidikan masa kini. Namun keberkesanan penilaian pengujian atas talian telah menjadi salah satu kebimbangan utama dalam keberhasilannya. Pengujian atas talian telah ditadbir sebagai penilaian berterusan kepada pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda yang mengambil kursus Bahasa Arab sebagai Bahasa ketiga di Universiti Teknologi Mara (UiTM) bermula daripada berlakunya wabak penyakit COVID-19 sehingga kini. Justeru, penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk menganalisis bagaimana Moodle learning management system (LMS) boleh digunakan bagi melaksanakan pengujian kursus bahasa atas talian, mengkaji persepsi pelajar dan pensyarah terhadap pengujian bahasa atas talian serta mencari hubungan signifikan antara pengujian atas talian dengan pengujian secara konvensional. Kaedah kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah jenis kaedah kajian campuran dan data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Seramai 119 orang pelajar diploma dan 8 orang pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka telah menjadi sampel dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati peluang yang disediakan oleh Moodle LMS yang digunakan di institusi ini bersesuaian dengan objektif penilaian kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Selain itu, dapatan kajian mendapati pelajar memberikan persepsi yang positif terhadap pelaksanaan ujian atas talian, manakala majoriti pensyarah tidak menyetujuinya atas faktor ketelusan pelaksanaan ujian atas talian. Sementara itu, hasil analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ujian atas talian dengan ujian lisan pelajar namun dalam korelasi yang sederhana tinggi. Rentetan daripada

itu, diharapkan hasil yang diperolehi daripada kajian ini dapat menjadi titik tolak dalam penambahbaikan sistem penilaian kursus bahasa Arab pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Ujian Atas Talian, Keberkesanan Ujian, Penilaian Kemahiran Bahasa, Moodle.*

Abstract: *The online testing system is a new paradigm in the education system today. However, the effectiveness of online testing has been one of the main concerns in its success. Online testing has been administered as a continuous assessment to diplomas and bachelor's degree students who take Arabic as a third language course at MARA University of Technology (UiTM) starting from the outbreak of the COVID-19 disease until now. Therefore, this research is conducted with the aim of analyzing how the Moodle learning management system (LMS) can be used to implement online language course testing, study the perceptions of students and lecturers towards online language testing, and find a significant relationship between online testing and conventional testing. The research method that will be used in this study is a type of mixed research method, and the data is analyzed descriptively and inferentially. A total of 119 diploma students and 8 lecturers at the MARA University of Technology (UiTM) Malacca branch were sampled in this study. The findings of the study found that the opportunities provided by the Moodle LMS used in this institution are compatible with the objective of evaluating the Arabic language course as a third language. In addition, the findings of the study found that students gave a positive perception towards the implementation of online tests, while the majority of lecturers did not agree with it due to the dishonesty factor of online test implementation. Meanwhile, the results of Pearson's correlation analysis show that there is a significant relationship between the online test and the student's oral test, but in a moderately high correlation. Following on from that, it is hoped that the results obtained from this study can be a starting point in the improvement of the Arabic language course evaluation system in the future.*

Keywords: *Online Testing, Test Effectiveness, Language Skills Assessment, Moodle.*

Pengenalan

Perubahan sistem pendidikan bukan perkara baharu. Ia sentiasa berubah mengikut perkembangan semasa negara, kerana pendidikan adalah satu sistem dinamik yang akan melalui perubahan dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan aspirasi sesebuah negara. Perubahan yang dilaksanakan adalah bagi memastikan ianya bersesuaian dengan tuntutan semasa seperti perkembangan terkini bidang ilmu. Perubahan drastik yang berlaku dalam sistem pendidikan disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah mengubah kebanyakan corak pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk perubahan dalam sistem pentaksiran yang berlaku dari masa ke semasa mengikut perubahan era pendidikan dan teknologi terkini. Keadaan luar jangkaan ini memberi inspirasi kepada sektor pendidikan untuk menggunakan pendekatan alternatif baharu terhadap pelajar dan organisasi pembelajaran, pengajaran dan penilaian. Institusi pengajian tinggi di pelbagai negara telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza berbanding kelaziman bagi mengelak penularan wabak COVID-19 (Michael et al., 2021). Profesor universiti dan tenaga pengajar mula meneroka pelbagai alat untuk mendigitalkan kedua-dua sesi pembelajaran dan peperiksaan. Tanpa hanya bergantung kepada kaedah peperiksaan tradisional semata-mata. Mendigitalkan sistem pendidikan terus pesat berkembang, walaupun penularan wabak penyakit berjangkit tersebut telah mula berkurang dan terkawal.

Dikebanyakan sektor pendidikan mula menormalisasikan pengajaran dan pembelajaran teradun seperti kewujudan kelas hibrid dan sebagainya. Pelaksanaan penialain dan peperiksaan atas talian juga masih terus dilaksanakan terutama diperingkat institusi pengajian tinggi seperti universiti. Merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA, penilaian (sumatif) boleh digantikan dengan penilaian berbentuk formatif secara atas talian (Abdullah, 2020). Namun ianya tertakluk kepada program-program yang tertentu yang dilihatkan bersesuaian dan berkeperluan untuk meneruskan pelaksanaan penilaian dan ujian atas talian. Justeru bagi program-program tertentu di peringkat universiti masih meneruskan penilaian dan ujian berterusan atas talian. Kaedah ini dilihatkan lebih mudah untuk dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan pelbagai platform serta aplikasi atas talian yang sedia ada seperti *Quizziz*, *Google form*, *Kahoot* dan juga *Learning Management System* (LMS) yang dibangunkan oleh institusi masing-masing. Penilaian dan pelaksanaan ujian atas talian ini ternyata dapat menyediakan satu platform yang lebih interaktif untuk menilai pembelajaran pelajar. Kaedah ini dapat dilaksanakan dengan lebih pantas, dan menjimatkan waktu, kerana pelaksanaan penilaian permarkahan dapat dilakukan secara automatik dan maklum balas dapat diberikan secara terus kepada pelajar. Selain daripada menjimatkan masa kaedah penilaian formatif atas talian ini juga dapat menjimatkan pembelanjaan yang besar kerana tiada keperluan untuk penyediaan kertas ujian, penggunaan ruang peperiksaan serta perkhidmatan tenaga penjaga.

Namun begitu, pelbagai isu yang menjadi cabaran kepada pihak universiti untuk memastikan pelaksanaan penilaian dan peperiksaan yang dijalankan setanding dengan kualiti peperiksaan secara konvensional. Penggunaan penilaian dan peperiksaan atas talian sering menimbulkan kebimbangan penting mengenai kebolehpercayaan dan kesahan terhadap penilaian yang telah dilaksanakan (Kucherova & Ushakova, 2022). Antaranya dari aspek mencapai standard piawai dan jadual spesifikasi ujian yang telah ditetapkan, tiada isu plagiat dan kebocoran soalan ujian, serta pencapaian internet pelajar berada dalam keadaan baik ketika menduduki ujian atas talian tersebut (Tahir & Jabar, 2021)

Latar Belakang Kajian

Kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan satu pengajian bahasa yang ditawarkan kepada pelajar peringkat Pra-Diploma, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sebagai subjek elektif. Tempoh pembelajaran adalah selama 1 atau 3 semester berdasarkan peringkat dan program yang diikuti pelajar di universiti ini. Pengajian bahasa di UiTM dikelolai dibawah pentadbiran Akademi Pengajian Bahasa (APB). Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemampuan untuk berkomunikasi menggunakan frasa Arab sederhana yang relevan dengan tahap peringkat awal. Selain itu, diharapkan dengan pencapaian dari kursus ini dapat menghasilkan graduan diploma UiTM yang mempunyai daya saing di peringkat global yang memenuhi kehendak pasaran pekerjaan semasa.

Dalam mencapai objektif pengajian bahasa, pelaksanaan penilaian, pentaksiran dan pengukuhan bagi merupakan salah satu aspek penting bagi mengukur tahap pencapaian dan kualiti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan di dalam kurikulum. Penilaian merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara berterusan di dalam kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999).

Melalui pelaksanaan penilaian, ianya dapat membantu dalam memberi maklumat mengenai perkembangan prestasi dan pencapaian pelajar dari masa ke semasa. Selain itu, proses tersebut juga dapat menilai kualiti sesebuah institusi (Miller et al., 2009). Penilaian berterusan kursus

bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM menilai pencapaian pembelajaran pelajar dari aspek pertuturan, pendengaran dan penulisan. McNamara (2002), penilaian akan menunjukkan hasil terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sama ada telah mencapai piawai standard kursus yang telah ditetapkan atau tidak. Ini menunjukkan bahawa aspek penilaian merupakan elemen penting yang perlu dilaksanakan secara berterusan dalam kurikulum bahasa Arab. Segala laporan yang diperolehi melalui proses penilaian perlu untuk tindakan susulan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar dan memperbaiki pengajaran para pensyarah yang mengajar kursus ini.

Penggunaan e-pembelajaran dalam kursus bahasa Arab di UiTM merupakan salah satu cara penyampaian kursus kepada pelajar. Platform Moodle LMS dipilih kerana ia sesuai untuk menyampaikan kandungan pembelajaran dengan menyokong elemen multimedia. Platform Moodle LMS terdiri daripada tiga modul iaitu modul pentadbiran, modul pengguna dan modul kursus yang digunakan untuk mencipta sistem pembelajaran bahasa Arab. Moodle LMS yang digunakan di UiTM dinamakan sebagai Ufuture. Melalui platform ini juga pelaksanaan ujian atas talian mula diperkenalkan semenjak bermulanya pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara *Open Distance Learning* (ODL) dilaksanakan. Melalui Ufuture juga pelajar dapat mengakses kandungan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. Terdapat beberapa perkhidmatan yang disediakan dalam platform Ufuture ini, antaranya ialah UiTM MOOC, UiTM Courses (Kursus UiTM), Online Degree (Ijazah Sarjana Muda secara atas talian), Kursus Pendek, Kursus Kelayakan Mikro, dan APEL. Selain itu, lebih 800,000 kandungan pengajaran dan pembelajaran yang dimuatnaik di dalam platform ini melibatkan 6,000 kursus. Setiap pelajar dan pensyarah akan mempunyai satu akaun Ufuture yang dapat menghubungkan tenaga pengajar dan pelajar secara langsung.

Penyataan Masalah

Kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM) masih melaksanakan penilaian dan ujian berterusan secara atas talian sejak bermulanya pandemik COVID-19 iaitu bermula pada tahun 2020 sehingga hari ini tahun 2024. Namun tidak semua daripada ujian berterusan kursus tersebut dilaksanakan secara atas talian, daripada tiga ujian berterusan yang perlu dihadapi oleh pelajar, hanya dua ujian berterusan sahaja yang dilakukan secara atas talian iaitu ujian mendengar (30% markah) dan ujian bertulis (30% markah). Manakala ujian lisan yang dilaksanakan dalam bentuk lakonan peranan (40% markah) dilaksanakan secara bersemuka di kelas. Pelaksanaan ujian berterusan atas talian tersebut dilakukan dengan menggunakan platform Ufuture. Persoalannya apakah keberkesanan pelaksanaan ujian atas talian dengan menggunakan sistem UFuture di UiTM ini? Apakah pandangannya terhadap perspektif pensyarah dan pelajar? Disamping itu, pengkaji juga akan melakukan perbandingan terhadap ujian atas talian dan ujian lisan bersemuka bagi melihat perbandingan kaedah pengujian atas talian dan kaedah konvensional.

Objektif Kajian

- 1) Meneroka peluang yang disediakan oleh Moodle LMS untuk melaksanakan ujian atas talian bagi kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga.
- 2) Mengkaji persepsi pelajar dan guru terhadap ujian atas talian dan perubahannya terhadap pendidikan.
- 3) Membandingkan keputusan ujian dalam talian dan ujian lisan secara bersemuka (sebagai gabungan bentuk penilaian inovatif dan konvensional).

Kajian Literatur

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita telah melihat peralihan pendekatan pembelajaran mula beralih daripada penilaian pembelajaran (*the assessment of learning*) kepada pendekatan penilaian untuk pembelajaran (*the assessment for learning approach*) (Dann, 2014). J. D. Brown dan Hudson menggunakan istilah ujian rujukan kriteria (*criterion-referenced test*) untuk merujuk kepada “sebarang ujian yang direka terutamanya untuk menggambarkan prestasi individu dari segi jumlah yang mereka ketahui mengenai domain pengetahuan atau set objektif kursus tertentu” (Brown & Hudson, 2002).

Melalui penilaian untuk pembelajaran (*the assessment for learning approach*) ini pelajar mengambil tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi mereka dalam kursus. Berdasarkan kepada ujian bahasa yang ingin diukur, ia boleh diklasifikasikan sebagai pendekatan keupayaan (tidak langsung) dan pendekatan prestasi (langsung). Ujian keupayaan (tidak langsung) mengukur kebolehan tatabahasa, pengetahuan perbendaharaan kata, kefahaman membaca, dan kefahaman mendengar, manakala ujian prestasi (langsung) mengukur penulisan dan pertuturan (Sangkala, 2014).

Penilaian berasaskan bilik darjah untuk kursus bahasa memfokuskan kepada prestasi komunikatif dan selaras dengan Rangka Kerja Rujukan Eropah untuk Bahasa (CEFR). Pada asalnya CERF direka sebagai panduan untuk membandingkan objektif bahasa di peringkat antarabangsa, namun diteruskan dengan mewujudkan rangka kerja yang seragam untuk memahami kecekapan bahasa merentasi enam peringkat umum. Ia menggunakan huraian aktiviti bahasa komunikatif yang melibatkan pelajar, seperti pemahaman, pengeluaran, interaksi, dan pengantaraan, yang merangkumi kecekapan linguistik dan am.

Dalam konteks CEFR, kecekapan linguistik merangkumi pelbagai aspek penting yang merentasi kosa kata, tatabahasa, dan kefahaman struktur bahasa. Ini termasuk kosa kata aktif dan pasif (kecekapan leksikal), pengetahuan tentang peraturan dan struktur bahasa serta keupayaan untuk menggunakannya dengan betul (kecekapan tatabahasa), organisasi makna (kecekapan semantik), mendengar dan menghasilkan bunyi (kecekapan fonologi), keupayaan untuk mengeja dengan betul (kecekapan ortografik), dan kebolehan membaca teks dengan betul (kompetensi ortoepik) (“Council of Europe : Common European Framework of Reference for Languages,” 2020).

Oleh itu, dalam konteks ujian bahasa, tujuan terutamanya adalah untuk menilai julat dan ketepatan tatabahasa serta kosa kata pelajar. Ini penting untuk memahami bahawa ujian bahasa bukan sahaja mengukur kemahiran pemahaman dan penggunaan bahasa, tetapi juga memberikan gambaran tentang kecekapan linguistik secara menyeluruh. Dengan demikian, ujian bahasa memainkan peranan penting dalam menilai dan memahami kemahiran bahasa pelajar dalam konteks CEFR.

Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) memang telah menjadi satu perkembangan yang signifikan dalam pengajian tinggi. LMS adalah platform berbasis web yang dirancang untuk menyokong berbagai jenis pengaturan pembelajaran, termasuk pembelajaran di kelas tradisional, pembelajaran jarak jauh, dan kombinasi antara keduanya. Fungsi utama LMS termasuklah pengelolaan kursus, penyimpanan rekod dan kemajuan pelajar, pengawasan, serta pengiriman bahan pembelajaran (Arshad, 2021).

Penting dalam memastikan bahawa elemen-elemen pengalaman pengajian tinggi sebelum ini tetap terjaga walaupun ianya mula berpindah ke dalam lingkungan sistem LMS. Antara perkara penting yang perlu diperhatikan yang pertama adalah peranan LMS, adakah LMS dapat menjadi pendukung terhadap kemampuan kognitif (*cognitive presence*) yang selama ini secara tidak langsung telah membantu dalam proses pembelajaran komuniti (Arnold, 2016). Kedua, kemampuan sosial (*social presence*) iaitu merupakan aspek yang secara langsung berkontribusi kepada keberhasilan pengalaman pendidikan (*educational experience*) dengan menekankan kepada aspek afektif dari pembelajaran (Nguyen et al., 2020).

Keberkesanan penggunaan LMS dalam sistem pembelajaran amat bergantung kepada bagaimana alat-alatnya digunakan dalam konteks kursus tertentu dan sejauh mana mereka membantu pengguna mencapai hasil kursus yang diinginkan (King & Case, 2014). Faktor utama yang memengaruhi keberkesanan LMS adalah pemahaman dan motivasi pengguna, khususnya para pelajar, untuk menggunakan sistem tersebut secara optimal. Dalam hal ini, peranan pendidik sangatlah penting dalam menggalakkan para pelajar untuk memahami dan menggunakan LMS dengan efektif. Menurut Stradiotová et al., (2021), Dapat dilihat bahawa LMS dapat membantu kedua-dua pendidik dan pelajar sepanjang keseluruhan proses pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan, ia meningkatkan pembelajaran pelajar dengan capaian akses bahan pembelajaran dan kandungan pembelajaran tersirat pelajar (*implicit learning*), serta banyak cirinya membolehkan pengajar dan pentadbir mencipta dan mentadbir kursus dalam talian dengan lebih cepat dan mudah.

Tahap motivasi pelajar untuk belajar dan menggunakan rancangan pembelajaran boleh dipengaruhi dengan ketara oleh keberkesanan LMS. Dalam kajian King & Case (2014), menyatakan bahawa penyelidikan yang dijalankan secara kerjasama boleh memberi kesan yang ketara ke atas kaedah pengajaran dalam talian melalui LMS. Mereka menggunakan teori kognitif, teori pembelajaran terletak, dan pembelajaran konstruktivis sebagai asas untuk kajian mereka, yang mendapati bahawa keberhasilan penggunaan LMS membolehkan pelajar mencipta pembelajaran mereka sendiri. Hal ini kerana ia lebih menarik dan interaktif serta menawarkan pelbagai aplikasi. Penggunaan LMS merupakan salah satu faktor yang berpotensi untuk meningkatkan motivasi pelajar (Stradiotová et al., 2021). Walau bagaimanapun, LMS bukan satu-satunya alat yang digunakan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Juhary (2013) mendapati keberkesanan penggunaan Moodle LMS dalam sistem pengajaran dan pembelajaran tidak seperti yang diharapkan disebabkan oleh faktor kejahilan pensyarah menggunakan sistem Moodle LMS dan keengganan mereka dalam mengoptimumkan penggunaan sistem tersebut. Para pensyarah didapati hanya memuat naik 20% sahaja daripada bahan pengajaran dan pembelajaran. Justeru secara tidak langsung akan memberi impak terhadap keberkesanan penggunaan LMS terhadap pelajar.

Manakala dari perspektif pelajar pula, dalam kajian yang dijalankan oleh Rahman (2006), mendapati kebanyakan pelajar tidak menggunakan sepenuhnya sistem untuk menyokong penyerahan kerja kursus dalam talian dan membincangkan sebarang perkara di papan perbincangan atau perbincangan dalam talian serta menilai sendiri prestasi mereka dalam pembelajaran. Mereka cenderung untuk melakukan semua perkara itu secara manual seperti membincangkan sebarang subjek secara bersemuka dengan rakan sebaya dan pensyarah mereka, mereka lebih suka mempunyai ujian berasaskan kertas daripada kuiz dalam talian dan

sebagainya. Faktor-faktor ini menyumbang kepada sebab utama mengapa LMS tidak digunakan dengan berkesan terhadap mereka.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Hamat et al., (2011) dalam kajian mereka yang bertajuk “Sistem Pengurusan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia” mendapati 65.4% IPT melaporkan bahawa dari perspektif pembelajaran pelajar, LMS mereka tidak mempunyai kemudahan untuk menggalakkan penglibatan pelajar, seperti kerja berkumpulan dan kemudahan pembinaan portfolio. Tahap integrasi dan kesalingoperasian antara LMS yang digunakan di IPT dengan sistem maklumat sedia ada yang lain adalah rendah.

Namun begitu, dalam kajian terkini yang dijalankan oleh Razali & Mohd Adnan (2022), mendapati hasil daripada temubual yang dilakukan bersama pelajar mendapati pelajar semakin positif dengan sistem pengujian atas talian. Mereka berpendapat ketelusan dalam menduduki ujian atas talian bukan isu besar. Hal ini kerana sistem LMS yang telah dikemaskini dari masa ke semasa telah mempunyai sistem keselamatan yang lebih terjamin seperti kewujudan sistem semakan pertindihan, kerangka proctoring, dan sebagainya menjadikan pelaksanaan ujian atas talian ini lebih telus. Sementara itu, kewujudan Capaian Internet jalur lebar yang lebih canggih seperti sistem 5G juga, membantu pelaksanaan ujian atas talian berjalan dengan lancar. Sebagaimana menurut Keimer et al., (2022), menyatakan bahawa faktor persekitaran yang terkawal, rekabentuk soalan, isu teknikal dan capaian Internet merupakan faktor-faktor yang boleh mengurangkan risiko ketidakjujuran pelajar dalam menduduki ujian atas talian.

Metodologi Kajian

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 119 orang pelajar diploma yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai bahasa Ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka. Kajian ini juga melibatkan seramai 8 orang pensyarah yang mengajar subjek bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM ini.

Kajian ini menggunakan kaedah reka bentuk kajian campuran untuk mencapai objektif kajian. Penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik dalam talian yang dilengkapkan oleh pelajar dan guru melalui Google Form. Analisis data dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dijalankan dengan menggunakan statistik deskriptif, yang boleh merumuskan dan mentafsir data yang diperolehi. Data kualitatif diterima melalui analisis maklumat maklum balas individu, yang membolehkan penyelidik membandingkan respons pelajar dan pensyarah, bagi menentukan keberkesanan ujian bahasa atas talian dengan menggunakan kaedah perbandingan pekali korelasi Pearson.

Penskalaan jenis Skala Likert digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengukur sikap pelajar dan guru terhadap ujian atas talian. Penskalaan Skala Likert Guttman ini dipilih untuk mengetahui pernyataan yang paling sesuai dalam soal selidik dalam talian yang dilengkapkan oleh pelajar dan guru. Skor min diukur berdasarkan tafsiran tahap pengukuran skor min oleh Nunnally & Bernstein. Tafsiran tahap skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap persetujuan atau penilaian responden. Jadual pengukuran tahap skor min tersebut adalah berdasarkan kepada empat tahap pengukuran skor min berikut :-

Jadual 1 Tafsiran Tahap Pengukuran Skor Min (Nunnally & Bernstein, 1994)

Julat Min	Tahap
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

Sumber: Psychometric Theory, 3rd edn, 1994 (Nunnally & Bernstein, 1994)

Manakala pekali korelasi Pearson telah dipilih untuk membandingkan keputusan ujian atas talian dengan ujian lisan untuk menilai keberkesanan antara kedua pembolehubah tersebut. Kekuatan korelasi yang dirujuk dalam kajian ini pula adalah berdasarkan interpretasi kekuatan korelasi Davies (1971) seperti yang didapati dalam Jadual 2 berikut :-

Jadual 2 Kekuatan Korelasi Davies (1971)

Skor Min	Tahap
0.70 - 1.00	Amat Tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 - 0.49	Sederhana Tinggi
0.10 - 0.29	Rendah
0.00 - 0.09	Diabaikan

Dapatan Kajian Dan Perbincangan


Dapatan Kajian Pertama: Penggunaan Moodle LMS Untuk Ujian Bahasa Atas Talian

Pengujian sentiasa menjadi elemen penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM. Pelajar yang mengikuti kursus ini didedahkan dengan perbendaharaan kata, tatabahasa dan frasa bahasa Arab serta asas percakapan bahasa Arab dalam konteks situasi harian. Unsur-unsur budaya juga dimasukkan dalam kursus ini. Penekanan diberikan untuk menyatukan empat kemahiran komunikasi, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di akhir kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kebolehan berkomunikasi menggunakan frasa bahasa Arab mudah yang berkaitan dengan tahap asas. Kursus ini berlangsung selama dua semester, di mana semester pertama merupakan pembelajaran bahasa Arab asas tahap 1, manakala semester kedua pembelajaran bahasa Arab asas tahap 2. Kursus ini berlangsung selama 14 minggu bersamaan dengan 56 jam pertemuan. Manakala ujian berterusan akan bermula pada minggu yang ke 9 sehingga minggu yang ke 14. Pada setiap semester pelajar akan melalui tiga jenis ujian berterusan: 1) Ujian mendengar, 2) Ujian menulis dan 3) Ujian lisan (Lakonon Peranan).

Ujian yang dilaksanakan dalam kursus bahasa Arab ini agak meluas merangkumi 100 markah secara keseluruhan, bertujuan untuk menyemak bahan leksikal dan tatabahasa yang dipelajari sepanjang tempoh pengajian. Soalan-soalan ujian kursus ini selaras dengan soalan-soalan ujian di semua cawangan UiTM seluruh Malaysia kerana ianya telah disediakan oleh pensyarah-pensyarah sumber yang berpengalaman di UiTM Shah Alam, di mana UiTM Shah Alam merupakan universiti induk bagi seluruh UiTM di seluruh Malaysia. Semasa menyediakan ujian berterusan, pensyarah-pensyarah sumber dari Jabatan Bahasa Arab sentiasa memberi tumpuan kepada prinsip didaktik moden dan kriteria yang diterima umum untuk menilai keberkesanan keseluruhan ujian tersebut dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan (Harmer, 2007). Moodle LMS yang digunapakai di UiTM iaitu Ufuture mampu memenuhi semua kriteria di atas. Oleh

itu, pihak pensyarah dapat menyesuaikan dan membuat ujian pelbagai jenis untuk menyemak bahan leksikal dan tatabahasa yang dipelajari, sebagai contoh Ufuture mampu menyediakan soalan-soalan jenis objektif (soalan jenis aneka pilihan) dan subjektif (soalan jenis bertulis) berdasarkan bentuk soalan penilaian seperti berikut:-

- 1) Isi tempat kosong
- 2) Soalan jenis kefahaman teks
- 3) Soalan jenis betulkan kesalahan
- 4) Soalan jenis konjugasi atau subjektif
- 5) Soalan jenis terjemahan bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab
- 6) Soalan jenis lengkapkan dialog (Pembinaan ayat tanya dan jawapan)



Rajah 1 : Contoh jenis soalan-soalan yang disediakan oleh Ufuture

Sumber : Ufuture

Berdasarkan semua jenis soalan-soalan yang dibina dalam Ufuture, pengkaji telah merujuk kepada jenis penilaian yang digariskan oleh J. D. Brown, yang mana beliau telah mengklasifikasikannya kepada empat kategori asas: respons-reseptif (*receptive-response*), respons-produktif (*productive-response*), respons peribadi (*personal-response*), dan respons individu (*individualized-response*) (J. D. Brown, 2016). Sarjana seterusnya mencadangkan 12 jenis penilaian: item benar-salah (*true-false*), item padanan (*matching-items*), item aneka pilihan (*multiple-choice items*), item isian (*fill-in items*), item jawapan pendek (*short-answer items*), penilaian prestasi (*performance assessment*), penilaian persidangan (*conference assessment*), penilaian portfolio (*portfolio assessment*), penilaian diri/rakan sebaya (*self/peer assesment*), penilaian berterusan (*continuous assessment*), penilaian berbeza (*differentiated assessment*), dan penilaian dinamik (*dynamic assessment*). Jenis penilaian ini terbahagi kepada dua kumpulan utama: yang menfokuskan kepada tumpuan bahasa tunggal dan yang mewakili cara pengumpulan data penilaian.

J. D. Brown juga telah membahagikan penilaian kepada dua jenis kategori iaitu kategori respon terpilih (*selected-response*) dan kategori respon terbina (*constructed-response*). Jadual 3 menunjukkan pilihan penilaian yang boleh digunapakaikan dalam ujian atas talian bagi kursus bahasa Arab di Ufuture. Kategori respon terpilih dilihatkan sesuai untuk menguji kemahiran membaca, mendengar, pengetahuan tatabahasa dan kosa kata. Manakala kategori respons


terbina (*constructed-response*) pula, pada dasarnya agak berbeza daripada kategori respons terpilih (*selected-response*) kerana pelajar dijangka akan menghasilkan perkataan tunggal seperti dalam item isian (*fill-in item*) kepada jawapan yang lebih panjang seperti dalam item jawapan pendek (*short-answer*) atau perenggan atau penulisan esei seperti dalam penilaian prestasi (*performance assessment*).

Kesemua jenis penilaian tersebut dilihatkan sesuai untuk digunakan dalam ujian atas talian kecuali item jawapan pendek (*short-answer items*) dan penilaian prestasi (*performance assessment*) kerana memerlukan pelajar menulis beberapa perkataan, dan penilaian prestasi, yang memerlukan pelajar menulis perenggan atau esei, adalah lebih sukar untuk ditadbir dan kurang objektif untuk mendapat markah berbanding item yang dinyatakan sebelum ini. Justeru berdasarkan fitur-fitur yang disediakan dalam Moodle LMS yang digunapakai untuk mentadbir ujian atas talian bagi kursus ini dilihatkan dapat mencapai jenis penilaian yang bersesuaian dengan objektif penilaian kursus ini.

Jadual 3 : Penilaian Ujian Atas Talian


Pilihan Penilaian Ujian Atas Talian			
Kategori	Jenis Penilaian	Jenis Soalan Moodle	Ujian atas talian
Respon terpilih (<i>Selected-response</i>)	Item betul-salah (<i>True-false item</i>)	Betul/salah Pilih perkataan yang hilang Jawapan terbenam (cloze)	✓
	Item aneka pilihan (<i>Multiple choice item</i>)	Aneka pilihan Pilih perkataan yang hilang Jawapan terbenam (cloze)	✓
	Item padanan (<i>Matching item</i>)	Memadankan item seret dan lepaskan teks (<i>Drag and drop into text</i>)	✓
Respon terbina (<i>Constructed-response</i>)	Item isian (<i>Fill-in items</i>)	Jawapan pendek Jawapan terbenam (cloze)	✓
	Jawapan-pendek item (<i>Short-answer items</i>)	Jawapan pendek Jawapan terbenam (cloze) Esei/karangan	x
	Penilaian prestasi	Esei/karangan	x

Sementara itu, bagi memastikan keselamatan dan integriti peperiksaan Ufuture juga mempunyai sistem keselamatan seperti pengawalan imej (*image proctoring*) ianya membolehkan pensyarah memantau proses ujian berjalan dengan lancar. Dengan adanya sistem kawalan seperti pengawalan imej (*image proctoring*) sekurang-kurangnya dapat mengelakkan penipuan pelajar dari aspek membuka nota ketika menduduki ujian, keberadaan pelajar ketika menduduki ujian dan penipuan dari aspek orang ketiga seperti menggantikan orang lain menduduki ujian tersebut. Berikut merupakan contoh fitur pengawalan imej (*image proctoring*) di dalam Ufuture :-



Rajah 2: Contoh Pertama Fitur Pengawalan Imej (*Image Proctoring*)


Sumber : Ufuture



Rajah 3: Contoh Kedua Fitur Pengawalan Imej (*Image Proctoring*)

Sumber : Ufuture

Selain itu, bagi mengelakkan kesempatan pelajar untuk meniru atau merujuk sumber rujukan ketika menduduki ujian atas talian, Ufuture menyediakan penentuan tetapan seperti durasi masa boleh ditetapkan seperti 60 minit sahaja, selepas 60 minit secara automatik ujian akan terus berhenti. Selain itu, pensyarah juga boleh menetapkan tetapan '*number of allowed attempt*' dan '*randomize questions order*' iaitu pelajar hanya dibenarkan menduduki ujian sekali sahaja dan setiap pelajar tidak akan dapat urutan soalan yang sama. Justeru pelajar tiada kesempatan untuk pelajar berbincang dengan rakan ketika menduduki ujian atas talian melalui platform Ufuture ini. Tambahan itu, di dalam sistem ini juga mempunyai tetapan '*password*' ini bermakna selepas pensyarah selesai menyediakan set soalan di dalam Ufuture pensyarah boleh mencipta kata laluan (*password*) tertentu bag mengelakkan kebocoran maklumat. Pelajar hanya boleh memasuki set soalan tersebut selepas pensyarah memberitahu kata kunci tersebut sahaja. Berikut merupakan contoh fitur tetapan yang pensyarah boleh tetapkan ketika hendak merangka soalan ujian atas talian melalui Ufuture:-



The screenshot displays the 'Settings' page for an assessment in the Ufuture system. On the left is a navigation menu with options like 'Course Summary', 'Announcement', 'Course Content', 'Cont. Assessment', 'Learning Activities', 'Course Forum', 'Online Class', and 'Group'. The main content area is divided into two columns. The left column contains settings such as 'Number of questions' (30), 'Number of allowed attempts' (1), 'Password', 'Randomize question order', 'Comprehension questions view', 'Sent announcement', 'Display total mark to student', 'Allow review question(s)', 'Show scheme', 'Group Marking', 'Image Proctoring', and 'Duration of assessment'. The right column contains checkboxes for 'Students will have different order of questions', 'In one page', and 'One question per page'. At the bottom, there are input fields for 'Hour(s)' and 'Minute(s)', both set to 0, and a 'Start date and time range' field.

Rajah 5: Contoh Fitur Tetapan Pensyarah di Ufuture

Sumber : Ufuture

Dapatan kajian kedua : Sikap Pelajar Dan Guru Terhadap Ujian Atas Talian

Secara keseluruhan, pelajar telah diberikan enam soalan soal selidik : 1) Apakah perasaan anda tentang ujian bahasa Arab atas talian? Dengan pilihan jawapan : Ia agak berkesan dan berbaloi untuk dilaksanakan pada masa kini; Ia mempunyai potensi yang besar; Ia lebih tertekan daripada ujian kertas (konvensional); Ia tidak objektif sama sekali; Saya berasa agak negatif. 2) Adakah anda lebih suka ujian bahasa Arab atas talian berbanding ujian kertas konvensional tahun depan? Dengan pilihan jawapan: Ya; Tidak; Mungkin. 3) Adakah ujian atas talian merangkumi aspek utama tatabahasa dan kosa kata bahasa Arab yang dipelajari? Dengan pilihan jawapan: Ya; Tidak; Mungkin. 4) Sejauh manakah objektif ujian bahasa Arab atas talian pada pendapat anda? Pada skala 1–10 (skala 1 adalah sangat memuaskan dan skala 10 adalah sangat tidak memuaskan). 5) Adakah anda menghadapi sebarang kesulitan semasa ujian bahasa Arab atas talian? Dengan pilihan jawapan: Ya atau Tidak. 6) Apakah kesukaran utama semasa ujian bahasa Arab dilaksanakan atas talian? Ini adalah soalan jenis terbuka.

Soal selidik dalam kajian ini juga mengandungi enam soalan untuk pensyarah : 1) Apakah pendapat umum anda tentang ujian atas talian? Dengan pilihan jawapan: Positif; Lebih positif daripada negatif; Lebih negatif daripada positif; Negatif; Saya belum membuat keputusan lagi. 2) Adakah anda lebih suka ujian dalam talian berbanding ujian kertas konvensional tahun depan? Dengan pilihan jawapan: Ya; Tidak; Mungkin. 3) Bolehkah ujian ini digunakan sebagai alternatif yang berkesan dan objektif berbanding ujian kertas konvensional untuk menilai kemajuan tatabahasa dan perbendaharaan kata pelajar (berdasarkan markah ujian lisan mereka)? Dengan pilihan jawapan: Ya; Tidak; Mungkin. 4) Sejauh manakah objektif ujian atas talian pada pendapat anda? Pada skala 1-10 (skala 1 adalah sangat memuaskan dan skala 10 adalah sangat tidak memuaskan). 5) Ujian atas talian adalah salah satu kaedah penilaian yang bertujuan untuk menyediakan pelajaran tanpa kertas dan mesra alam. Patutkah kita meneruskan amalan yang sama di dalam bilik darjah? Dengan pilihan jawapan: Ya; Tidak; Mungkin. 6) Apakah yang anda cadangkan untuk menambah baik dalam konteks ujian atas talian? Yang terakhir adalah soalan jenis terbuka.

Keputusan soal selidik yang diambil oleh pelajar dan pensyarah menunjukkan bahawa para pelajar merasakan ujian atas talian didapati lebih berkesan dan berbaloi untuk dilaksanakan pada masa kini (61.9%). Manakala hanya 12.5% pensyarah sahaja yang mensetujuinya, selebihnya pensyarah merasakan pengujian dalam talian lebih negatif daripada positif (85.7%). Sementara itu, sebanyak 73% pelajar lebih suka ujian bahasa Arab atas talian berbanding ujian kertas konvensional dilaksanakan tahun hadapan, manakala hanya 12.5% sahaja pensyarah mensetujuinya, selebihnya 62.5% para pensyarah tidak menyokong agar ujian atas talian terus dilaksanakan pada tahun hadapan, dan 25% menyatakan mungkin. Seterusnya, 85% pelajar dan 62.5% pensyarah percaya bahawa ujian dalam talian merangkumi aspek utama kajian bahan tatabahasa dan kosa kata. Pelajar dan pensyarah mencari objektif ujian dalam talian, masing-masing memberikan 6.94 (daripada 10) dan 6.37 (daripada 10) sebagai nombor purata. Dapatan kajian tersebut boleh dirujuk dalam jadual 4 berikut :-

Jadual 4: Dapatan Kajian Persepsi Soal Selidik Pelajar dan Pensyarah

	Pelajar	Pensyarah
Berpendapat ujian atas talian didapati lebih berkesan dan berbaloi untuk dilaksanakan pada masa kini	61.9%	12.5%
Pertimbangkan ujian dalam talian sebagai alternatif yang berkesan kepada ujian kertas tradisional	73%	12.5%
Percaya bahawa ujian dalam talian merangkumi aspek utama kajian bahan tatabahasa dan kosa kata	85%	62.5%
Mengalami kesukaran semasa melakukan/menyediakan ujian dalam talian	19%	42.9%
Keseluruhan mencari objektif ujian dalam talian	6.94	6.37

Namun begitu, pengujian atas talian tetap juga tertedah kepada pelbagai cabaran dan bantahan. 19% mendapati mempunyai kesulitan semasa ujian bahasa Arab dilaksanakan atas talian. Sementara itu, antara kesukaran yang pelajar alami ketika menduduki ujian atas talian adalah masalah pencapaian internet (27.7%), manakala diikuti dengan cabaran menaip tulisan arab di keyboard ketika menduduki ujian (19%). Seterusnya diikuti dengan kesulitan atau cabaran-cabaran lain seperti masalah dengan rangkaian Ufuture, masalah audio ketika ujian mendengar kurang jelas, masalah penguasaan kosa kata yang lemah, kurang fokus, suasana persekitaran ketika menduduki ujian atas talian, kesukaran memahami soalan ujian, tidak biasa dengan ujian atas talian, kekangan masa untuk menjawab soalan dan soalan lambat keluar. Sebaliknya, sebanyak 10% mendapati tiada sebarang masalah ketika menjalani ujian atas talian. Sementara itu, terdapat beberapa pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan pengujian atas talian antaranya:-

Pensyarah 1 : *“Ujian atas talian tidak telus dengan kecanggihan teknologi sekarang.”*

Pensyarah 2 : *“Ujian atas talian perlu mengikut kesesuaian sesuatu kemahiran. Jika melibatkan audio ia sesuai dijalankan secara atas talian berbanding ujian bertulis yang memerlukan kemahiran bertulis secara konvensional.”*

Pensyarah 3 : *“Sistem teknologi elak peniruan harus ditingkatkan.”*

Pensyarah 4 : *“Pelbagaikan atau perbanyakkan set soalan supaya pelajar tidak boleh meniru, Saya melaksanakan ujian atas talian dalam kelas di mana pelajar perlu membawa tablet/laptop masing2.. pelajar tidak dapat berbincang dan meniru kerana berada di bawah pengawasan*

pensyarah.. jadi result boleh dipercayai.. marking juga sangat mudah dan pantas kerana dibantu teknologi.”

Pensyarah 5: *“Pembinaan satu sistem yang dapat mengesan tahap penglibatan pelajar terhadap ujian atas talian. Sistem ini dapat mengesan sama ada pelajar tersebut meniru atau berbincang dengan kawan semasa ujian kerana pensyarah semasa ujian tersebut dilaksanakan, pelajar dan pensyarah bukan berada di tempat yang sama. Pensyarah tidak dapat melihat pelajar tersebut amanah atau tidak semasa menjawab ujian.”*

Pensyarah 6 : *“Buat ujian talian di dalam bilik darjah di bawah pemantauan pensyarah.”*

Pensyarah 7 : *“Ujian dijalankan secara atas talian (untuk menjimatkan kos kertas dan lebih mesra alam) namun ujian perlulah dilaksanakan di dalam kelas (di bawah pantauan pensyarah) supaya pelajar tidak meniru atau menipu dengan menggunakan google translate/google scanner (ketika ujian bertulis)/google voice (ketika ujian mendengar).”*

Pensyarah 8 : *“Semua ujian yang dilaksanakan di dalam kelas sekalipun secara online perlu penambahbaikan.”*

Justeru, jelas dapatan dalam bahagian ini menunjukkan bahawa para pelajar memberikan persepsi yang positif terhadap pelaksanaan ujian bahasa Arab atas talian, manakala majoriti pensyarah kurang menyetujuinya atas faktor ketelusan dalam keberhasilan pelaksanaan ujian atas talian tersebut. Para pensyarah menyarankan agar penambahbaikan pelaksanaan ujian atas talian bagi kursus bahasa Arab ini perlu dipertingkatkan.

Justeru bagi mengatasi kebimbangan dalam kalangan pensyarah, berdasarkan proses penyelidikan pengkaji, pengkaji mendapati terdapat beberapa prinsip asas yang mungkin dapat membantu meminimumkan penipuan dan mengurangkan kesannya terhadap penilaian pengujian atas talian. Antaranya :-

- 1) Menetapkan tetapan ujian atas talian dengan sekatan JavaScript, yang menggagalkan pelajar daripada membuka tettingkap penyemak imbas (*browser window*) tambahan, kamus dalam talian atau rujukan tatabahasa pada peranti.
- 2) Ujian atas talian dilaksanakan dalam bilik darjah, pelajar perlu membawa peranti masing-masing namun pelaksanaannya tetap atas talian.
- 3) Pensyarah atau pentadbir kurikulum perlu memperbanyakkan set soalan yang berbeza, agar setiap pelajar tidak semestinya dapat set soalan yang sama dalam satu masa.
- 4) Tambahbaik sistem Moodle LMS, agar dapat memberi set soalan yang berbeza bagi setiap pelajar, kerana sistem Ufuture yang digunakan di UiTM ini hanya dapat merandomkan jenis bentuk soalan kepada pelajar, bukan merandomkan satu set soalan kepada pelajar.
- 5) Tingkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap etika peperiksaan/ujian, dan kejujuran akademik.

Justeru menurut pemerhatian kami, melalui pelaksanaan prinsip di atas dengan ketara dapat mengurangkan keupayaan pelajar untuk merujuk sumber tambahan dan berunding antara rakan semasa menduduki ujian atas talian. Walaupun, ianya tidak bermakna kita boleh mencegah ketidakjujuran akademik sepenuhnya tetapi dengan cara ini kita dapat meminimumkan risiko yang sedia ada. Seterusnya bagi mengelakkan ketidakberhasilan pembelajaran penilaian

sumatif tidak boleh hanya berpusatkan kepada ujian dalam talian melalui Moodle LMS sahaja. Penilaian berterusan hendaklah sekurang-kurangnya $\frac{1}{4}$ daripada tugas berdasarkan bahan khusus atau/dan tulen yang telah diajar semasa kelas. Justeru kepada pelajar yang tidak menghadiri kelas akan sukar untuk mencari bahan pembelajarannya hanya berpandukan carian di Internet sahaja. Selain itu, para pensyarah juga hendaklah sentiasa memberi maklum balas selepas setiap kali ujian dilaksanakan bukan hanya membiarkan pelajar menerokanya berdasarkan rekod dalam sistem Moodle LMS. Ianya boleh menjadi maklum balas umum kepada seluruh kelas atau maklum balas terbina dalam ujian.

Dapatan Kajian Ketiga: Ujian Korelasi Antara Keputusan Ujian Atas Talian dan Ujian Lisan Secara konvensional.

Sebagai peringkat akhir penyelidikan kami, kami membandingkan keputusan ujian dalam talian (X) dengan ujian lisan (Y). Analisis data bahagian ini akan dihuraikan secara inferensi. Hasil analisis korelasi Pearson terhadap kedua-dua pemboleh ubah tersebut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah dengan nilai pekali korelasi yang sederhana tinggi iaitu dengan nilai ' r ' 0.398 dan varian $r^2 = 0.158$. Manakala nilai signifikan <0.001 . Nilai pekali korelasi 0.398 ini menunjukkan tahap korelasi diantara kedua-dua pemboleh ubah secara keseluruhan adalah sederhana tinggi (Davies, 1971). Jadual 5 berikut merupakan hasil ujian korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut :-

Jadual 5 Korelasi antara ujian atas talian (UAT) dengan ujian lisan (UL) (N=119)

Hubungan antara pemboleh ubah	r	r^2	Sig.*
UAT - UL	0.398	0.158	<0.001

*Signifikan pada aras 0.05

Kesimpulan dan Prospek untuk Penyelidikan Lanjutan

Hasil penyelidikan jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kelebihan dan kemudahan yang disediakan oleh sistem Ufuture iaitu sistem Moodle LMS yang digunapakai di institusi ini. Justeru kajian ini mendapati penggunaan ujian atas talian melalui Moodle LMS boleh dipraktikkan sebagai sebahagian daripada penilaian kursus di peringkat universiti. Selain itu secara keseluruhan, ujian atas talian didapati berkesan dan relevan dengan objektif kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga kepada pelajar dan pensyarah. Walaupun terdapat banyak keluhan daripada pensyarah atas sebab-sebab seperti yang telah diberikan, namun sebaliknya pensyarah juga tidak menafikan kemudahan dan kerelevan ujian atas talian ini boleh diteruskan dan berjaya sekiranya terdapat penambahbaikan dari masa ke sama. Sementara itu, keberkesanan ujian dalam talian juga telah dibuktikan dengan pengiraan pekali korelasi Pearson mendapati terdapat hubungan positif antara ujian atas talian pelajar dengan ujian lisan secara bersemuka pelajar.

Pada pandangan pengkaji, memaksimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memperluas akses kepada hasil pengajian berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran pelajar. Dengan adanya sistem Moodle LMS ini para pensyarah dan pelajar dapat menikmati peluang mengakses jaringan pendidikan pada bila-bila waktu. Ianya lebih memudahkan serta menjimatkan masa pensyarah dan pelajar tanpa perlu hadir ke pejabat, atau tanpa perlu ke perpustakaan untuk mendapatkan bahan bacaan dan ianya boleh diakses tanpa had. Secara tidak langsung melalui platform ini dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti pembelajaran dan pengajaran pesyarah dan pelajar kearah yang lebih baik. Disamping dapat menggalakkan pembelajaran secara atas talian seperti yang sedang pesat dipraktikkan di negara-negara yang mempunyai sistem pendidikan yang maju. Namun begitu

tidak dinafikan, dalam mendigitalkan sistem penilaian kursus pelajaran telah menimbulkan bukan sahaja peluang besar tetapi juga cabaran. Sesetengah pensyarah mungkin berasa ragu-ragu tentang penilaian melalui pendekatan buka buku (*open book*) kerana kemungkinan berlaku penipuan dan penipuan.

Ringkasnya, ujian dalam talian ialah satu bentuk penilaian formal yang berkesan, yang menyokong proses perkembangan pengajaran dan pembelajaran dan mempunyai perubahan positif terhadap pendidikan. Mengintegrasikan pelbagai jenis penilaian ke dalam kursus bahasa Arab terdiri daripada penilaian menyeluruh terhadap kemahiran asas bahasa pelajar. Akhirnya, mendapat beberapa faedah yang jelas daripada ujian atas talian, antaranya: 1) ia menyumbang kepada pembelajaran berfokuskan pelajar; 2) membantu merancahkan pembelajaran pelajar merentasi kurikulum; 3) memberi pelajar maklum balas tepat pada masanya. Melalui pendekatan penilaian-untuk-pembelajaran atau *assessment-for-learning* seperti ini dapat mendidik pelajar menggalas tanggungjawab untuk pembelajaran mereka sendiri, agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi persekitaran kerja masa hadapan.

Melalui kesimpulan yang diperolehi daripada kajian ini, pengkaji mensarankan agar kajian lanjut mengenai keberhasilan ujian atas talian terhadap kursus bahasa terus dilaksanakan, kerana isu keberhasilan penilaian kursus seperti ini memerlukan pemerhatian dan analisis yang berterusan bagi memastikan kaedah penilaian yang digunakan dalam sesebuah institusi dapat meningkatkan keberhasilan pembelajaran bahasa yang lebih baik dan telus. Oleh kerana kajian yang telah dilaksanakan ini merupakan kajian jenis kuantitatif, pengkaji merasakan kaedah kajian ini tidak dapat memberikan satu gambaran yang menyeluruh dan mendalam tentang keberkesanan ujian atas talian. Justeru bagi kajian lanjut, pengkaji mensarankan agar kajian mengenai keberhasilan ujian atas talian terhadap kursus bahasa diteruskan dengan menggunakan kaedah kajian jenis kualitatif. Hal ini kerana dengan kaedah kualitatif, pengkaji akan datang dapat meletakkan diri sebagai pemerhati dan menteliti secara dalam proses ujian atas talian dilaksanakan. Selain itu, diharapkan kajian lanjut juga dapat melakukan kajian terhadap ketidakjujuran akademik dalam proses pengujian atas talian. Hal ini kerana isu ketidakjujuran akademik ini juga merupakan suatu isu berat yang sering berlaku dalam sistem penilaian akademik.

Aspek pematuhan etika dan peperiksaan/ujian merupakan salah satu elemen penting yang perlu dititiberatkan dalam memastikan penilaian kualiti graduan yang dihasilkan mempunyai ketepatan yang tinggi. Hal ini kerana penilaian kualiti pelajar memberi implikasi yang besar terhadap penguasaan ilmu dan kredibiliti seseorang graduan pengajian tinggi. Secara tidak langsung ianya akan menggambarkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi sekali gus memberi kesan terhadap reputasi nama universiti. Oleh itu, kesedaran pelajar terhadap pematuhan terhadap etika dan peperiksaan/ujian amatlah penting agar perkara seperti aspek menipu dalam peperiksaan, palagiarism, penipuan dalam merujuk dan tidak memenuhi etika penulisan akademik dapat dielakkan.

Keberkesanan sesuatu pengujian dapat dinilai dengan baik sekiranya segala etika dan peraturan akademik dapat dipatuhi oleh semua pensyarah dan pelajar. Justeru sikap dan tahap kesedaran pensyarah dan pelajar merupakan aspek penting yang perlu diterapkan.

Rujukan

- Abdullah, N. (2020). *Cabaran pelaksanaan Penilaian Dalam Talian di IPT*. 6–9.
- Arnold, I. J. M. (2016). Cheating at online formative tests: Does it pay off? *Internet and Higher Education*, 29(April), 98–106.
- Arshad, M. (2021). Experience of Using the Blackboard Learning Management System in Jazan University. *Information Technologies and Learning Tools*, 83(3), 79–99.
- Brown, J. D. (2016). *Assessment in ELT: Theoretical options and sound pedagogical choices,*” in *English language teaching today. Linking theory and practice*. W. A. Renandya and H. P. Widodo, Eds. Springer.
- Brown, J. D., & Hudson, T. (2002). *Criterion-referenced Language Testing*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Council of Europe : Common European framework of reference for languages : Learning, Teaching, Assessment. (2020). In *New Cambridge Modern History*.
- Dann, R. (2014). Assessment as learning: Blurring the boundaries of assessment and learning for theory, policy and practice. *Assessment in Education: Principles, Policy and Practice*, 21(2), 149–166.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hamat, A., Embi, M. A., & Sulaiman, A. H. (2011). *Learning Management Systems in Malaysian Higher Education Institutions*. e-Learning in Malaysian Higher Education Institutions : Status, Trends & Challenges.
- Harmer, J. (2007). *The Practice of English Language Teaching*. In *Pearson Longman*. <https://doi.org/10.1080/03626784.1987.11075294>
- Juhary, J. (2013). The learning management system at the defence university: Awareness and application. *International Education Studies*, 6(8), 16–20.
- Keimer, I., Agnesens, T., & Kuechler, C. (2022). Interactive PDF Forms to Conduct Online Examinations in University Education: Practical Experience and Lessons Learned. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 17(11), 4–16.
- King, D. L., & Case, C. J. (2014). E-Cheating: Incidence and Trends Among College Students. *Issues In Information Systems*, 15(I), 20–27.
- Kucherova, O. O., & Ushakova, I. O. (2022). Effectiveness of Online Testing in General English University Course From Teacher and Student Perspectives. *Information Technologies and Learning Tools*, 87(1), 185–198.
- McNamara, C. (2002). *A Basic Guide to Program Evaluation*.
- Michael, F. L., Salleh, S. F., & Marzuki, E. (2021). The impact of covid-19 amongst international students in unimas. *International Journal of Business and Society*, 22(2), 607–617.
- Miller, D. M., Linn, R. L., & Gronlund, N. E. (2009). *Measurement and Assessment in Teaching* (11th ed.). New Jersey : Pearson.
- Nguyen, J. G., Keuseman, K. J., & Humston, J. J. (2020). Minimize online cheating for online assessments during covid-19 pandemic. *Journal of Chemical Education*, 97(9), 3429–3435.
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric Theory*, 3rd edn, 1994. McGraw-Hill, New York, 3, 701.
- Rahman, K. A. (2006). *The effectiveness of learning management system (LMS) case study of Open University Malaysia (OUM)*. Open University Malaysia.
- Razali, N., & Mohd Adnan, A. H. (2022). Peperiksaan Dalam Talian: Kajian Kes Pemeriksa dan Pelajar Jarak Jauh Universiti ‘ODL’ di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11).
- Sangkala, I. (2014). Approaches In Language Testing Sub-topic: Constructing Test / Kind of

Test. *Makassar Muhammadiyah University.*

Stradiotová, E., Nemethova, I., & Stefancik, R. (2021). Comparison of on-Site Testing With Online Testing During the Covid-19 Pandemic. *Advanced Education*, 8(17), 73–83.

Tahir, W. M. M. W., & Jabar, J. A. (2021). *Cabaran pelajar dalam peperiksaan secara atas talian bagi kursus perakaunan.* 1–8.